



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN
PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF
DAN KREATIF (KIK)
JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH
PERINGKAT NEGERI**

2025

1 : PENGENALAN

1.1 TUJUAN

- Memberi penjelasan berhubung tatacara penyertaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Sabah.
- Panduan ini dihasilkan selaras dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) iaitu Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2016 mengenai PanduanPembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif.

BAB 2 : PENYERTAAN

2.1 SYARAT - SYARAT PENYERTAAN

2.1.1 Penyertaan adalah dibuka kepada semua KIK daripada Jabatan/Agensi/Bahagian/Unit di Jabatan Kesihatan Negeri Sabah termasuk Institut Latihan KKM.

2.1.2 Projek yang menyertai pertandingan hendaklah merupakan projek yang telah selesai dijalankan/dilaksanakan sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh akhir penyerahan dokumentasi projek kepada pihak urus setia dan tidak lebih 3 tahun dari tarikh projek diperkenalkan dan dilaksanakan.

2.1.3 Projek yang dihasilkan adalah projek yang belum pernah menjuarai di dalam mana-mana peringkat Konvensyen KIK Negeri/Kebangsaan (Sektor Awam).

2.1.4 Projek yang dihasilkan mestilah merupakan projek yang terbaru dan terkini.

2.2 BIDANG DAN KATEGORI PROJEK KIK

2.2.1 Inovasi Sosial

- Inovasi sosial merangkumi kaedah penyelesaian baharu (idea, model dan perkhidmatan) yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan rakyat secara menyeluruh.


- Fokus pelaksanaan inovasi sosial tidak hanya kepada pencapaian impak sosial semata-mata, malah memberikan penekanan kepada proses penglibatan rakyat dalam membangunkan sesuatu inovasi.

- Ciri-ciri utama inovasi sosial adalah:

- a) Pendekatan eksperimen yang berasaskan kepada bukti dan penemuan hasil pelaksanaan prototaip secara berulang untuk mendapatkan hasil yang terbaik.

b) Jalinan rangkaian yang menggalakkan kerjasama dan kolaborasi merentasi pelbagai sektor termasuk agensi awam, pihak swasta dan individu dalam masyarakat.

c) Pembangunan inisiatif baharu oleh agensi Kerajaan bersama-sama rakyat bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang menepati keperluan sebenar mereka.



Rajah 1: Kategori bagi Bidang Inovasi Sosial dan Contoh Projek Yang Dihasilkan

2.2.2 Inovasi Penyampaian Perkhidmatan

- Inovasi penyampaian perkhidmatan merupakan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mencapai tahap transformasi penyampaian perkhidmatan Kerajaan.
- Inovasi ini bermatlamat meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan ke arah penyampaian perkhidmatan yang bersepadu dan lancar serta meningkatkan kepuasan hati pelanggan.
- Inovasi yang dihasilkan perlu mempunyai nilai tambah serta berupaya menyediakan perkhidmatan yang lebih inovatif, memperluas liputan perkhidmatan dan mudah diakses rakyat.

• Idea-idea ini boleh merangkumi penambahbaikan kepada sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi baharu dalam pelbagai aspek, antaranya termasuklah:

- a) Pengurusan Strategik dan Kepimpinan Organisasi
- b) Budaya Kerja
- c) Kewangan dan Aset
- d) Pengurusan Perhubungan Pelanggan
- e) Pengurusan Sumber Manusia
- f) Pengurusan Projek Pembangunan
- g) Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

• Ciri-ciri inovasi penyampaian perkhidmatan adalah:


- a) Memberi impak ketara dan positif kepada pelanggan.
- b) Meningkatkan kecekapan dan mengoptimum kos dalam menangani kekangan sumber kewangan dan sumber manusia.
- c) Memanfaatkan keupayaan teknologi terkini
- d) Memperkenalkan pendekatan penyampaian perkhidmatan baharu atau memantapkan kaedah semasa yang kurang berkesan.



Rajah 2: Kategori bagi Bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan dan Contoh Projek Yang Dihasilkan

2.3 KRITERIA PROJEK KIK

Lima (5) kriteria yang perlu diambil kira oleh KIK di peringkat awal penghasilan projek bagi memastikan projek yang dipilih berjaya dilaksanakan dan seterusnya berpotensi untuk dikembangkan.



Rajah 3: Kriteria Penghasilan Projek yang Berpotensi untuk dikembangkan

2.4 PEMBENTUKAN KUMPULAN

KIK terdiri daripada dua (2) kumpulan iaitu :

2.4.1 KIK Primer

- Sekumpulan ahli yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang tetapi tidak melebihi sepuluh (10) orang daripada agensi yang sama yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK

2.4.2 KIK Hibrid

- Sekumpulan ahli terdiri daripada dua atau lebih tetapi tidak melebihi sepuluh (10) orang daripada agensi yang bersilang fungsi yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK Hibrid.

- Bilangan ahli tertakluk pada skala, kos, kategori projek dan dipersetujui oleh pihak yang melaksanakan projek.

2.5 KOMPONEN KIK

KETUA KUMPULAN	<ul style="list-style-type: none">• Salah seorang ahli KIK• Persetujuan bersama hendaklah dicapai ketika proses pemilihan ketua kumpulan agar tidak timbul sebarang isu yang boleh menjejaskan perkembangan kumpulan
AHLI-AHLI	<ul style="list-style-type: none">• Keahlian terbuka kepada semua anggota dalam organisasi• Bagi KIK Hibrid, keanggotaan kumpulan mewakili Jabatan/Agensi masing-masing hendaklah seimbang atau munasabah
FASILITATOR	<ul style="list-style-type: none">• Pelantikan fasilitator bergantung pada keperluan KIK• Unit Inovasi agensi masing-masing boleh memberi khidmat sebagai fasilitator

Rajah 4: Komponen KIK

2.6 PENOLAKAN PENYERTAAN

2.6.1 Urus setia berhak menolak penyertaan dari mana-mana kumpulan KIK yang tidak layak berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

2.6.2 Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan yang layak untuk menyertai Pertandingan KIK Jabatan Kesihatan Negeri Sabah Peringkat Negeri yang ditentukan berdasarkan syarat penyertaan adalah muktamad.

2.6.3 Keputusan panel penilai dalam Pertandingan KIK Jabatan Kesihatan Negeri Sabah Peringkat Negeri terhadap penilaian projek kumpulan adalah muktamad.

2.7 PERMOHONAN PENYERTAAN

2.7.1 Setiap kumpulan dikehendaki **mengemukakan perkara-perkara berikut kepada pihak urus setia sebelum tarikh tutup** iaitu:-

a) Mengemukakan **borang penyertaan** yang disediakan seperti di **Lampiran A**. Borang tersebut hendaklah dilengkapkan dan disahkan oleh Ketua Jabatan (Tarikh akhir penerimaan ialah **15 OGOS 2025**).

b) **Ringkasan Eksekutif (bentuk PDF)– Lampiran B** (300-500 patah perkataan / tidak melebihi dua muka surat. Ringkasan eksekutif tidak dikira dalam jumlah muka surat Salinan teks projek). Tarikh akhir penerimaan ialah **15 OGOS 2025**.

c) Tiga (3) salinan teks laporan perlu dihantar yang merangkumi:

- i. Laporan mengikut susunan aturan kriteria penilaian projek.
 - ii. Perincian projek **tidak melebihi 15 muka surat / 3000 – 5000 patah perkataan** dan tidak termasuk lampiran.
 - iii. Lampiran tidak melebihi 30 muka surat.
 - iv. **Saiz tulisan** adalah **12** dengan jenis **font Arial** dan **spacing 1.5**
- d) Laporan perlu dikemukakan dalam bentuk **hardcopy (3 salinan buku teks)** dan **softcopy (PDF - diemelkan)**
- e) Tarikh akhir penerimaan 'Softcopy PDF' adalah pada **15 September 2025**.
- f) Tarikh akhir penerimaan 'Hardcopy teks laporan' adalah pada **30 September 2025**

2.7.2 Laporan dan Borang Permohonan yang lengkap dan disahkan hendaklah dikemukakan kepada:

URUSETIA KONVENSYEN KUALITI
JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH
U/P: En. Rommy bin Ramlee (Penyelaras KIK JKN Sabah)
(emel: rommy.ramlee@moh.gov.my /
rommy.ramlee@gmail.com)

2.8 PERJALANAN KONVENSYEN KIK Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

2.8.1 Ketetapan masa pembentangan projek KIK dibahagikan seperti berikut:-

- Peserta diberi masa **lima (5) minit untuk persiapan**
- Masa bagi setiap persembahan (secara lisan) projek kumpulan adalah ditetapkan selama **maksimum sepuluh (10) minit** termasuk sesi ucapan pembukaan dan penutup. **Tiada format bagi sesi ini dan ianya bergantung kepada kreativiti kumpulan.**
 - Loceng pertama – masa montaj/kata-kata aluan/ perbentangan bermula/demo projek
 - Loceng kedua – minit ke-8
 - Loceng ketiga – Minit ke-10 [dua kali]
- **Sesi viva dan pemeriksaan dokumen diperuntukan selama sepuluh (10 minit), bergantung kepada panel hakim.**
 - Loceng akhir dibunyikan menandakan masa viva dan pemeriksaan dokumen tamat

2.8.2 Hanya peserta yang dibenarkan dalam sesi ini (Ketua & Ahli Kumpulan sahaja).

2.8.3 Sila bawa segala perkara atau dokumen berkaitan projek kumpulan sebagai pembuktian.

- Contoh: contengan perbincangan, misi, visi & moto jabatan, pelaksanaan ujicuba, pengumpulan data, perbincangan penubuhan nama kumpulan, peranan ahli dan sebagainya.

2.8.4 Sesi penilaian ini akan dibuat **secara terbuka (peringkat negeri)** dan jika terpilih mewakili Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, penilaian akan dijalankan **secara tertutup** di peringkat kebangsaan KKM. Setiap kumpulan perlu mematuhi jadual giliran pembentangan yang telah ditetapkan.

• Sila datang selewat-lewatnya 30 minit lebih awal dari masa anggaran sesi kumpulan yang ditetapkan.

- Pihak urus setia berhak untuk tidak membenarkan kumpulan yang hadir lewat daripada membuat persembahan pembentangan (hilang kelayakan bertanding).
- Jika terdapat sebarang perubahan masa persembahan pembentangan, pihak Urusetia KIK Jabatan Kesihatan Negeri Sabah akan memaklumkan kepada semua kumpulan lebih awal.

2.8.5 Dimaklumkan bahawa sesi ini dikira **sesi terakhir (final)** bagi pertandingan ini.

2.8.6 Penilaian sesi viva dan pemeriksaan dokumen

- Markah daripada sesi ini akan diambil kira daripada semua kumpulan dan seterusnya akan menentukan pemenang keseluruhan pertandingan KIK Jabatan Kesihatan Negeri Sabah peringkat Negeri.
- Penilaian akan bertumpu kepada keberhasilan projek iaitu dari segi outcome dan impak. Pelbagai kaedah/alat penilaian akan digunakan oleh panel penilai bagi penilaian projek-projek yang layak di peringkat ini.

2.8.7. Proses Pelaksanaan Konvensyen KIK

Tempoh / Tarikh	Proses	Catatan
Sebelum atau pada 15 Ogos 2025	Permohonan Penyertaan	Borang Penyertaan Lampiran A. Ringkasan Eksekutif (Lampiran B) Semua PTJ Urusetia Konvensyen KIK
1 September 2025	Pemakluman Penyertaan Projek Kumpulan yang berjaya	Urusetia Konvensyen Kualiti
15 September 2025	Penerimaan akhir Softcopy laporan projek (PDF)	
30 September 2025	Penerimaan akhir 3 Salinan laporan (hardcopy) projek Kumpulan.	
Oktober 2025	Pertandingan Konvensyen KIK Horizon Baharu JKN Sabah Peringkat Negeri 2025	Tarikh akan dimaklumkan kemudian

BAB 3 : PENILAIAN

3.1 KRITERIA PENILAIAN PROJEK

3.1.1 Penilaian ke atas projek KIK yang bertanding di dalam Konvensyen KIK Jabatan Kesihatan Negeri Sabah Peringkat Negeri akan dibuat berdasarkan skema pemarkahan yang dikeluarkan oleh pihak INTAN.

3.1.2 Penilaian dokumentasi dan sesi soal jawab (viva) akan dibuat berdasarkan kriteria dengan peruntukan peratusan markah seperti berikut:

BIL	KRITERIA	MARKAH(%)
1.	Latar Belakang Projek dan Penglibatan Pihak Pengurusan	4
2.	Signifikasi Pemilihan Projek dan Pembuktian	10
3.	Tindakan Penyelesaian dan Pembuktian	23
4.	Keberhasilan Projek: <i>Outcome</i> Projek dan Pembuktian	35
5.	Keberhasilan Projek: Impak Projek dan pembuktian	18
6.	Potensi Pengembangan Projek	10
	JUMLAH	100

Jadual 1: Kriteria Penilaian Projek

BAB 4 : PENGIKTIRAFAN

4.1 PENGANUGERAHAN DAN HADIAH

Hadiah-hadiah kepada para pemenang Konvensyen KIK Jabatan Kesihatan Negeri Sabah akan disampaikan semasa **MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KONVENSYEN KIK JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH PERINGKAT NEGERI**.

Anugerah akan diberikan dalam bentuk *monetary* dan/atau bukan *monetary* sebagai insentif yang dapat menggalakkan warga Jabatan/Bahagian/Unit/Agensi untuk lebih membudayakan inovasi. Hadiah-hadiah akan dianugerahkan kepada Johan, Naib Johan dan tempat ketiga mengikut **kategori** (penciptaan dan penambahbaikan) dan **kumpulan** (primer dan hybrid) berdasarkan **Pekeliling Perbendaharaan WP 5.3: Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari inovasi**.

Kategori Kumpulan Primer		Kumpulan Hybrid
Penciptaan	Penambahbaikan	
JOHAN	JOHAN	JOHAN
Naib Johan	Naib Johan	Naib Johan
Ketiga	Ketiga	Ketiga

Jadual 2: Agihan Hadiah dan Anugerah